

**TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS JASA DIKENANG 2016
PADA HARI ISNIN, 19 DISEMBER 2016, PUKUL 12.00 TENGAH HARI
DI DEWAN BANKUET, CANSELERI TUN ABDUL RAZAK,
UMP PEKAN**

SALUTASI

Saudara Pengacara Majlis;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Prof Dato' Dr Yuserrie Zainuddin,
Timbalan Naib Canselor (Hal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd. Yusoff,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Encik Abd Hamid Majid,
Pendaftar;

Datin Wan Maizurina Wan Othman,
Penasihat Undang-Undang;

Dekan-dekan, Pengarah-pengarah
dan Ketua-ketua Pusat tanggungjawab;

Para pesara yang diraikan;

Tuan-tuan dan Puan-puan;

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. *Alhamdulillah*, sukaiah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya dapat bersama hadirin sekalian dalam majlis pada hari ini.
2. Dalam kesederhanaannya, majlis ini begitu bermakna dalam konteks manifestasi penghargaan ikhlas pihak pengurusan UMP terhadap warga kerjanya yang komited menyumbangkan tenaga sebagai penjawat awam sehinggalah tiba saatnya bagi mereka untuk meninggalkan perkhidmatan sebagai pesara.

3. Walaupun persaraan merupakan fasa terakhir yang melengkapkan alam perkhidmatan seorang penjawat awam, namun ini tidaklah bermakna bahawa ruang untuk menyumbang khidmat dan bakti terhenti di situ sahaja.
4. Oleh sebab itulah, kerajaan sentiasa menitikberatkan aspek pascapersaraan dalam kalangan para pesara perkhidmatan awam bagi memastikan bahawa golongan ini sentiasa produktif dalam konteks kemampuan sosioekonomi dan khidmat kemasyarakatan mereka dalam dimensi yang lebih luas dan berbeza berbanding sebelum persaraan.
5. Dalam hubungan tersebut, pihak UMP komited untuk memastikan bahawa para pesara Universiti ini menerima perhatian yang sewajarnya, khususnya dalam aspek kebajikan dan kesejahteraan mereka dengan memudahcara penyaluran faedah-faedah persaraan sebagaimana yang diperuntukkan oleh kerajaan.

6. Pada masa yang sama, pihak pengurusan juga ingin melihat supaya hubungan para pesara terus akrab dengan Universiti ini, tanpa mengira selama mana usia persaraan atau di mana jua mereka berada.

KEAKRABAN BERTERUSAN

7. Tuan-tuan dan puan-puan,

Justeru, majlis ini seharusnya dilihat sebagai satu titik permulaan kepada keakraban hubungan yang disebutkan tadi, dan bukannya titik penamat kepada hubungan antara para pesara yang diraikan dengan Universiti ini.

8. Sehubungan dengan itu, majlis pada petang ini mengabadikan penghargaan kepada empat warga kerja UMP yang bersara pada tahun 2016 ini iaitu Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang; Pensyarah Kanan, Ir. Zulkeflee Khalidin; Pustakawan Kanan, Puan Nazatul Shima Baroji; dan Pegawai Keselamatan Kanan, Encik Hamdan Ahmad.

9. Pada masa yang sama juga, UMP turut mengabadikan kenangan yang kudus dan tulus buat seorang warga kerjanya yang telah kembali ke rahmatullah tatkala masih dalam perkhidmatan di Universiti ini pada tahun 2016.
10. Justeru, pada kesempatan ini, saya ingin mengajak hadirin sekalian untuk bertafakur sejenak bagi menghadiahkan bacaan surah al-Fatihah kepada pegawai tersebut iaitu Allahyarham Encik Abdul Aziz Abdul Wahab, Pegawai Tadbir N41 dari Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta; *al-Fatihah*.
11. Semoga Allah Ta'ala mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarham dengan ditempatkan dalam kalangan solihin dan mukminin serta dikurniakan pula semulia-mulia ganjaran di akhirat nanti, *amin ya Rabbal 'alamin*.
12. UMP amat berbesar hati menerima para pesaranya dan waris arwah kakitangan yang sudi menerima undangan untuk turut serta dalam Majlis Jasa Dikenang ini bagi menandakan kemesraan jalinan yang *Insya-Allah* akan kekal bersemi erat, ibarat aur dengan tebing.

PEMBANGUNAN POTENSI STAF MELALUI KEPRIHATINAN

13. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebagai penjawat awam, slogan “Berkhidmat Untuk Negara” adalah amat sinonim dengan kita sehari-hari. Di mana jua kita ditempatkan, dengan apa jua jawatan dan gelaran serta sifat tanggungjawab yang diberikan, tujuannya adalah semata-mata atas kepentingan perkhidmatan.

14. Malah, konsep perkhidmatan itu sendiri mempunyai konotasi yang amat luas. Perkhidmatan tidaklah semata-mata tertumpu atas sebab jawatan, tetapi yang lebih utama ialah kerana soal amanah dan ibadah.

15. Justeru, saya percaya bahawa mereka yang diraikan pada hari ini telah memberikan inspirasi yang bermakna kepada rakan-rakan sekerja dan staf yang lain untuk turut maju dengan cemerlang dalam pekerjaan mereka.

16. Mending Steve Jobs pernah menyebut bahawa, *“Your work is going to fill a large part of your life, and the only way to be truly satisfied is to do what you believe is great work. And the only way to do great work is to love what you do. If you haven't found it yet, keep looking. Don't settle.”*
17. Dalam hubungan tersebut, saya yakin bahawa para pesara UMP yang berkeinaan akan terus pula menyalurkan bakti mereka di luar sana dalam apa jua peranan dan bentuk sebagai seorang warganegara dan anggota masyarakat yang bertanggungjawab, prihatin dan patriotik.
18. Kepada para waris Allahyarham pegawai yang berkeinaan, sokongan dan keprihatinan UMP sentiasa bersama anda dan keluarga. Budi dan jasa Allahyarham akan terus dikenang seisi keluarga UMP dengan doa tulus dan tinta keemasan.

KATA PENUTUP

19. Tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jabatan Pendaftar atas inisiatif untuk mengelolakan penganjuran majlis pada hari ini. Semoga sifat menghargai dan berterima kasih yang diinstitusikan sebegini menjadi budaya yang lestari di Universiti ini.

20. Akhirnya, marilah kita berdoa mudah-mudahan Allah Ta'ala akan terus melimpahkan rahmateliharaan-Nya kepada UMP dan warganya dengan naungan kecemerlangan, kesejahteraan dan kejayaan, *Amin*. Menutup ucapan ini, terimalah serangkap pantun sebagai bingkisan ingatan yang ikhlas daripada saya:

*“Kalau ada pauh di Daik,
Bawa sebiji ke tanah seberang;
Kalau ada budi yang baik,
Sampai mati dikenang orang.”*

Sekian, *wabillahi taufiq wal hidayah,*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.